

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JANUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## Harga simen naik Disember lalu

### Harga simen naik Disember lalu

**PETALING JAYA** – Indeks harga bagi beberapa bahan binaan seperti simen, batu bata dan dinding, bahan paip serta cat menunjukkan peningkatan pada Disember lalu berbanding bulan sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin dalam satu kenyataan berkata, indeks harga seunit simen naik 1.5 peratus pada Disember 2022 berbanding November 2022 untuk mencatatkan peningkatan dua bulan berturut-turut.

Jelasnya, purata harga simen

(Ordinary Portland) naik sedikit sebanyak 0.3 peratus pada RM20.95/50 kilogram (kg) berbanding RM20.88/50 kg pada November.

"Arang batu merupakan sumber tenaga utama dalam proses pembakaran untuk penghasilan simen, jadi kenaikan harga arang batu menjadi salah satu punca kenaikan harga bahan ini.

"Menurut International Energy Agency dalam laporan Coal Market 2022, pasaran arang batu pada tahun 2022 telah terkesan akibat aliran perdagangan yang terganggu, harga yang mening-

kat tinggi dan pertumbuhan permintaan yang mencapai paras tertinggi, melepasi lapan bilion tan buat kali pertama.

"Dengan permintaan dijangka kekal pada paras sama dalam beberapa tahun akan datang, harga arang batu akan terus meningkat pada 2023.

"Permintaan dijangka kekal tidak berubah daripada paras berkenaan sehingga 2025, apabila kemerosotan dalam pasaran matang diimbangi permintaan kukuh ekonomi sedang pesat membangun di negara-negara Asia," katanya.



**KENAIKAN** harga arang batu mengakibatkan harga simen di negara ini terus naik. – GAMBAR HIASAN